

Kod Pusat	
Angka Giliran	
No. KP	

Kelolaan Bersama

PA

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

dengan

**LEMBAGA PEPERIKSAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PEPERIKSAAN KERANI-KERANI RENDAH
2016**

PENGETAHUAN AM

Masa: 1 jam

Arahan:

1. Tulis Kod Pusat, Angka Giliran dan Nombor Kad Pengenalan (No. KP) kamu di dalam kotak yang disediakan.
2. Jangan dibuka buku soalan ini sehingga kamu diarahkan boleh berbuat demikian.
3. Baca dan fahamkan soalan-soalan yang diberikan sebelum kamu mula menjawab.
4. Kamu mestilah menjawab semua soalan.

UNTUK KEGUNAAN PEMARKAH SAHAJA

No. Kod Pemarkah	
------------------	--

Markah



BAHAGIAN A

Pilih jawapan yang betul dan tuliskan huruf (A, B, C atau D) dalam petak yang disediakan.

1. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Mahrum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddein Sa'adul Khairi Waddien telah berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak Pemimpin-Pemimpin Global Mengenai Kesetaraan Gender dan Memperkasa Wanita, yang berlangsung di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), _____ pada 27 September 2015 Masihi.

A. London
B. New York
C. Osaka
D. Queensland

2. Bahagian Bahasa dan Pustaka telah dinaik taraf menjadi sebuah jabatan kerajaan dan dikenali sebagai Dewan Bahasa dan Pustaka pada _____.

A. 19 April 1960
B. 16 September 1961
C. 1 Januari 1965
D. 24 Ogos 1967

3. Program Perkampungan Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam 2015 selama lima hari disasarkan kepada penerima Biasiswa _____.

A. Kementerian Kesihatan
B. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia
C. Swasta
D. Universiti Brunei Darussalam

4. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam adalah di bawah Jabatan _____.

A. Peguam Negara
B. Penerbangan Awam
C. Perancangan dan Kemajuan Ekonomi
D. Perdana Menteri

5. Kempen Kesedaran Kesihatan _____ Kebangsaan Sempena Hari Kanser Sedunia 2015 telah dilancarkan pada 17 Rabiulakhir 1436 Hijrah bersamaan 7 Februari 2015 Masihi.
- A. Payudara
 - B. Prostat
 - C. Rahim
 - D. Usus
-
6. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Mahrum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddein Sa'adul Khairi Waddien telah memperkenankan lantikan Yang Di-Pertua _____ kepada Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohammad Taib.
- A. Adat Istiadat
 - B. Majlis Mesyuarat Negara
 - C. Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei
 - D. Persekutuan Pengakap
-
7. Tema Pesta Buku Brunei Dan Karnival Memperkasa Budaya Membaca 2015 adalah '_____!'.
- A. Buku Bacalah
 - B. Buku Menambah Ilmu
 - C. Buku Memperkasa Bahasa Melayu
 - D. Buku Pelita Ilmu
-
8. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Mahrum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat Watikah Pelantikan kepada Puan Yang Terutama Dayang Rakhiah binti Haji Abdul Lamit@Hamid. Beliau di tempatkan di Republik _____.
- A. Demokratik Timor-Leste
 - B. Islam Iran
 - C. Persekutuan Jerman
 - D. Rakyat Bangladesh
-

9. Program Penggredan Prestasi Sektor Awam (3PSA) Melalui Penarafan Bintang dihasratkan mengukur tahap prestasi organisasi _____.

- A. Perkhidmatan Awam
- B. Perkhidmatan Kebajikan
- C. Perkhidmatan Pos
- D. Perkhidmatan Swasta

10. Awang Haji Emran bin Haji Ismail telah dilantik menjadi Ketua Kampung Madang pada hari Selasa, 31 Mac 2015. Kampung Madang letaknya di Mukim _____.

- A. Berakas 'A'
- B. Berakas 'B'
- C. Gadong 'A'
- D. Gadong 'B'

11. Kementerian Kesihatan merupakan Gedung Perkhidmatan Kesihatan di Negara Brunei Darussalam. Wawasan Kementerian Kesihatan menjelang Tahun 2035 ialah 'Bersama Ke Arah Warga _____'.

- A. Bahagia
- B. Ceria
- C. Ramai
- D. Sihat

12. "Di sinilah pentingnya 'kesedaran diri' bagi orang Islam. Jadikanlah diri kita benar-benar Muslim sejati, di mana pun kita berada. Tanda Muslim sejati itu boleh terimbas dari identity dan pendirian kita."

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Mahrum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di majlis sambutan _____.

- A. Awal Tahun Hijrah 1437 Hijrah
- B. Awal Tahun Masihi 2015 Masihi
- C. Hari Raya Aidilfitri 1436 Hijrah
- D. Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Belia Asia Tenggara Kali Ke-7 Tahun 1436 Hijrah

13. Mantan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar telah menerima Anugerah Pengiktirafan sempena Sambutan 50 Tahun Penubuhan _____ pada hari Khamis, 7 Mei 2015.
- A. ASEAN
 - B. OIC
 - C. PBB
 - D. SEAMEO
-
14. *Bintudoh Greenspring Resort* yang terletak di Kampung _____, Tutong berkonsepkan alam semula jadi dan *eco-village* berpotensi untuk dikembangmajukan sebagai produk destinasi pelancongan.
- A. Lamunin
 - B. Rasau
 - C. Senukoh
 - D. Sungai Matan
-
15. Juara keseluruhan anugerah Mingguan Kewangan Global yang berlangsung pada 9 hingga 17 Mac 2015 di Negara Brunei Darussalam telah diberikan kepada _____.
- A. Ethiopia
 - B. Guatemala
 - C. Negara Brunei Darussalam
 - D. Yemen
-
16. Hari _____ Sedunia diraikan seluruh dunia pada setiap 8 Jun seperti yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sejak tahun 2008.
- A. Cuaca
 - B. Kanak-Kanak
 - C. Lautan
 - D. Udara
-
17. Makan Tahun diraikan oleh puak _____.
- A. Dusun
 - B. Kedayan
 - C. Murut
 - D. Melayu Brunei
-

18. Pusat Amal _____, Kementerian Kesihatan diwujudkan untuk memberikan perkhidmatan rawatan dan penjagaan perubatan yang komprehensif dan holistic kepada pesakit yang mempunyai masalah kesihatan yang kompleks.
- A. Cerah Sejahtera
 - B. Ceria
 - C. Kesejahteraan
 - D. Pemulihan
-
19. Tuan Yang Terutama *The Right Honourable* David Johnston adalah Gabenor Jeneral _____.
- A. Australia
 - B. Belanda
 - C. Canada
 - D. United Kingdom
-
20. Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sempena Penubuhannya Ke-_____ Tahun pada hari Selasa, 30 Jun 2015.
- A. 57
 - B. 67
 - C. 77
 - D. 87
-
21. Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), adalah di bawah Kementerian _____.
- A. Kebudayaan, Belia dan Sukan
 - B. Kewangan
 - C. Pembangunan
 - D. Pendidikan
-
22. Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah memasarkan sejenis varieti beras baru yang dikenali sebagai _____.
- A. BRQ76
 - B. ERQ76
 - C. HRQ76
 - D. MRQ76
-

23. Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-10 Tahun 2015 telah berlangsung pada hari Selasa, 1 September 2015 di _____.
- A. Kompleks Sukan Mumong, Belait
 - B. Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas
 - C. Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas
 - D. Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas
-
24. Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin telah diperkenankan sebagai _____ mulai hari Selasa, 1 September 2015.
- A. Hakim Mahkamah Rayuan Syariah
 - B. Hakim Mahkamah Tinggi
 - C. Ketua Hakim Syarie
 - D. Peguam Negara
-
25. Pasukan Brunei DPMM FC menjulang Piala Liga Singapura (Liga S) 2015 buat kali Pertama dengan mengumpul 52 mata dan menerima wang tunai sebanyak _____.
- A. \$100 000.00
 - B. \$150 000.00
 - C. \$200 000.00
 - D. \$250 000.00
-
26. Hutan Simpan Sungai Ingei, Ulu Belait telah dijadikan tempat Projek Penyelidikan Biodiversiti _____.
- A. Fauna
 - B. Haiwan Darat
 - C. Haiwan Laut
 - D. Serangga
-
27. _____ terletak di Daerah Belait
- A. Taman Peringatan Tasek Lama
 - B. Taman Persiaran dan Menara Cendera Kenangan
 - C. Taman Rekreasi Herba Kampung Putat
 - D. Taman Riadah Tasik Sarubing
-

28. 'Wasatiah Asas Kesejahteraan Sejagat' adalah tema Majlis _____
2015.

- A. Belia
- B. Ilmu
- C. Kemasyarakatan
- D. Wanita

29. Kaji Selidik Kebangsaan Status Kesihatan dan Pemakanan 2009-2011 telah
mendapati _____ penyebab ketiga kematian di Negara Brunei
Darussalam.

- A. Darah Tinggi
- B. Denggi
- C. Diabetis
- D. Kolera

30. Sesi Plenari Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 telah berlangsung di Pusat
Konvensyen, _____.

- A. Bangkok, Thailand
- B. Berakas, Negara Brunei Darussalam
- C. Kuala Lumpur, Malaysia
- D. Singapura

(30 markah)

JUMLAH MARKAH	
---------------	--

BAHAGIAN B

Tulis **BETUL** atau **SALAH** di ruangan yang disediakan di bawah ini:

31. 'Antara mertua tiri dengan menantu tiri tidak boleh mendedahkan aurat, tidak boleh berdua-duaan dan tidak boleh bersentuhan seperti berjabat tangan kerana jelas hukumnya adalah makruh.
32. Penubuhan Pusat Latihan Akademi Sukan (PLAS) akan memberikan para atlet akses yang lebih baik kepada latihan, bimbingan, sains sukan dan sumber.
33. Sistem Electronic Labour Exchange (ELX) berfungsi sebagai pemudahcara pencarian kerja.
34. Perintah Akta Pencegahan Rasuah (Pindaan) 2015 telah berkuatkuasa pada hari Selasa, 8 Zulhijjah 1436 bersamaan 22 September 2015 Masihi. Salah satu Akta ini ialah memperkenalkan kesalahan-kesalahan baru yang berkaitan dengan salah laku orang ramai.
35. Setiap tanah berdaftar sama ada secara individu atau pemilikan bersama (*co-ownership*) termasuk pemilik-pemilik tanah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati dan Rancangan Perumahan Negara, sama ada tanah-tanah berkenaan digadaikan atau dipajakan, adalah bertanggungjawab untuk membayar cukai tahunan tanah mereka pada tiap-tiap tahun.

(10 markah)

JUMLAH MARKAH	
---------------	--

BAHAGIAN C

Jawab soalan-soalan berikut di ruangan yang disediakan.

36. Nyatakan **dua jenis penyakit tidak berjangkit (NCD)** yang telah menyumbang kepada peratus kematian di Negara Brunei Darussalam.

(a) _____

(b) _____

37. Polis juga adalah merujuk kepada pasukan yang menjaga keamanan negara, penguatkuasa undang-undang dan dipanggil juga sebagai *mata-mata*.

Nyatakan **tugas dan tanggungjawab polis** di bawah ini:

(a) Polis Hutan : _____

(b) Polis Rahsia : _____

38. Berikan **nama dua negeri** yang terdapat dalam negara-negara MABBIM.

(a) _____

(b) _____

39. Berikan **nama lengkap** bagi singkatan huruf di bawah ini.

(a) JPD = _____

(b) ABDB = _____

40. Nyatakan **dua jenis durian tempatan** yang terdapat di Negara Brunei Darussalam.

(a) _____

(b) _____

(20 markah)

Jumlah Markah	
---------------	--

BAHAGIAN D

Jawab semua soalan berikut:

41. Nyatakan **lima buah Negara** yang telah menyertai Kejohanan berprestij Kemahiran Menembak Antarabangsa Brunei (BISAM) ke-11, 2015.

- (a) _____
- (b) _____
- (c) _____
- (d) _____
- (e) _____

(5 markah)

42. Jawab soalan-soalan berikut yang berhubung kait dengan **perkembangan Islam**.

- (a) Salah satu keuzuran *syar'i* mengharuskan meninggalkan sembahyang Jumaat adalah untuk orang _____ yang sedang dalam pelayaran yang diharuskan, selama mana dia tidak berniat untuk bermuqim atau menetap pada sesuatu tempat dalam tempoh empat hari atau lebih.
- (b) "Dan kami turunkan air _____ dari langit dengan kadar yang tertentu serta kami menempatkannya (tersimpan) di bumi, dan sesungguhnya kami tentu berkuasa melenyapkan."
(Surah Al Mu'min, ayat 18)
- (c) Perundangan Islam dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam adalah untuk merealisasikan objektif-objektif murni yang merupakan kebaikan-kebaikan yang disediakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala bagi kebahagiaan hambaNya di _____ dan akhirat.
- (d) Tawaf bererti melakukan pusingan di sekeliling *al-Bayt al-Haram* iaitu mengelilingi Ka'abah sebanyak _____ kali keliling dengan syarat tertentu sambil berdoa.
- (e) _____ ialah suatu perubahan, kejadian, keagungan dan kebesaran Allah yang berlaku pada matahari dan bulan di mana kejadian ini adalah suatu perkara yang amat mudah bagi Allah Subhanahu Wata'ala melakukannya.

(10 markah)

43. Nyatakan nama **lima kuih tradisi Brunei**.

- (a) _____
- (b) _____
- (c) _____
- (d) _____
- (e) _____

(5 markah)

44. Telekom Brunei Berhad (Telbru) telah melaksanakan perkhidmatan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) di Daerah Belait.

Senaraikan **lima tempat/kawasan** rangkaian HSBB di Daerah Belait.

- (a) _____
- (b) _____
- (c) _____
- (d) _____
- (e) _____

(5 markah)

45. Sukan Olimpik Khas Bocce Asia Pasifik Ke-5 Tahun 2015 telah berlangsung di Negara Brunei Darussalam yang dikendalikan oleh Persatuan *Special Olympic* Brunei Darussalam.

Senaraikan **lima kontinjen** yang menyertai kejohan tersebut.

(a) SO _____

(b) SO _____

(c) SO _____

(d) SO _____

(e) SO _____

(5 markah)


(30 markah)

JUMLAH MARKAH	
---------------	--

BAHAGIAN E

46. Isikan petak yang kosong dengan jawapan yang sesuai pada peta di bawah ini.

LUZON	SRI LANKA	AMERIKA SELATAN	PERTH	AFRIKA
-------	-----------	-----------------	-------	--------



(10 markah)

JUMLAH MARKAH
